



HEBAT... Pasukan bola sepak Jabatan Canselori bergambar kenangan selepas menjuarai Cabaran A 100.

JABATAN CANSELORI JUARA BARU

HM 13/5/05
52:3.

Gol lewat Azahari menumpaskan musuh tradisi, Jabatan Hal Ehwal Akademik dengan 4-3

GOL lewat penyerang Jabatan Canselori (JC) Universiti Utara Malaysia (UUM), Azahari Abu Hassan memberi kemenangan bermakna menumpaskan musuh tradisi, Jabatan Hal Ehwal Akademik (JHEA) dengan 4-3, kelmarin.

Kemenangan itu membolehkan JC dinobatkan juara acara bola sepak dalam A100 Challenge, sekali gus merampas kejuaraan milik JHEA.

Final di Stadium UUM itu turut dihadiri pengarah jabatan masing-masing iaitu

Noor Azman Yusof (JC) dan Baharuddin Yaacob (JHEA).

Sementara itu, pasukan bola jaring Jabatan Pendaftaran (JP) mengecewakan Jabatan Bendahari (JB) 21-3 di aksi akhir.

Kejayaan itu sekali gus membuktikan JP adalah jaguh mutlak selepas memenanginya dua tahun berturut-turut.

Sukan anjuran Kelab Kebajikan di Bangunan Pentadbiran A100 diadakan di Kompleks Sukan Kampus Sintok bermula 11 April lalu dengan

moto "Sukan Untuk Semua".

Sebanyak tujuh acara dipertandingan iaitu bola sepak 9 sebelah, bola jaring, bola tampar (lelaki dan wanita), badminton (lelaki dan wanita) serta bowling.

Matlamat utama penganjuran sukan yang melibatkan 150 peserta itu adalah melahirkan warga kerja UUM yang sihat dari segi mental dan fizikal di samping mengukuhkan hubungan silaturrahim sesama staf di dalam bangunan pentadbiran universiti itu.